BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Februari 2018

Inflasi keseluruhan lebih rendah disebabkan terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran oleh staf

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.4% pada bulan Februari (Januari: 2.7%).
  - Inflasi dalam kategori *pengangkutan* adalah pada -0.3% (Januari: 5.7%) disebabkan oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah pada bulan itu.
  - Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* adalah pada 3.0% (Januari: 3.8%). Hal ini mencerminkan harga beberapa item makanan segar yang lebih rendah berikutan skim kawalan harga musim perayaan semasa tempoh Tahun Baru Cina dan cuaca yang lebih baik sesudah itu.

Pertumbuhan perdagangan borong & runcit meningkat, didorong oleh peningkatan dalam semua segmen

Sumbangan kepada IOWRT Keseluruhan (Indeks Perdagangan Borong & Runcit)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks Perdagangan Borong & Runcit (Index of Wholesale & Retail Trade, IOWRT) meningkat pada bulan Januari (7.4%, Disember 2017: 5.9%), didorong oleh peningkatan dalam semua segmen.
- Yang penting, segmen runcit mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada bulan Januari (8.5%, Disember 2017: 7.9%), yang menandakan bahawa perbelanjaan isi rumah terus kukuh.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



- Pembiayaan bersih[1] meningkat kepada 7.4% pada bulan Februari (Januari: 7.2%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat kepada 4.5% (Januari: 4.2%) manakala terbitan bon korporat terkumpul bersih terus berkembang pada 16.4% (Januari: 16.6%).
- Peningkatan pertumbuhan pinjaman disebabkan terutamanya oleh pinjaman isi rumah (Februari: 5.6%; Januari: 5.3%) yang didorong oleh pinjaman untuk tujuan mendapatkan *harta kediaman; sekuriti* dan *pembiayaan peribadi*.

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Struktur pendanaan bank-bank menyokong aktiviti pembiayaan

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan



[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan naik secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa dari tahun 2019. Setakat 1 Januari 2018, keperluan minimum ditetapkan pada 90%.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sumber pendanaan bank-bank yang pelbagai telah membolehkan mereka mengurus ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang dengan lebih baik.
- Sebagai mencerminkan sumber pendanaan yang lebih meluas, nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berada pada 83.5% dan72.9%.
- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sistem perbankan adalah pada 133.8%. Nisbah ini adalah jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[1] pada 90%.

Pasaran kewangan domestik menerima kesan daripada keadaan global yang tidak menentu

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Februari



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Februari, pasaran kewangan domestik menerima kesan daripada peningkatan volatiliti yang sangat ketara susulan pembetulan mendadak dalam pasaran ekuiti di Amerika Syarikat (AS). Pembetulan ini dicetuskan oleh jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengembalikan kadar faedah ke paras wajar dengan lebih cepat berikutan pengeluaran data gaji dan pekerjaan di AS yang kukuh.
- Pasaran ekuiti domestik menurun pada awal bulan Februari selaras dengan penurunan dalam pasaran ekuiti AS sebelum sebahagian daripada kerugian dapat ditampung pada akhir bulan. Hal ini disebabkan oleh sentimen yang positif berikutan pengeluaran data pertumbuhan KDNK suku keempat 2017 yang lebih baik daripada jangkaan.
- Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.8% berbanding dengan dolar AS disebabkan terutamanya oleh aliran keluar portfolio bersih. Jumlah swap FX menurun sebanyak USD9.2 bilion kepada USD102.9 bilion disebabkan terutamanya oleh pengurangan aktiviti swap antara bank. Aliran keluar bersih dalam bulan Februari menyebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap dolar lantas menyebabkan mata swap USD/MYR 1 bulan purata turun sebanyak 7 mata kepada 43 mata. Hasilnya, kos pendanaan dolar tersirat 1 bulan melalui swap FX meningkat kepada 2.29% pada akhir bulan Februari (akhir bulan Januari: 1.76%).

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 03/18/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 30 Mac 2018

SOROTAN BULANAN – FEBRUARI 2018

Inflasi keseluruhan lebih rendah disebabkan terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.4% pada bulan Februari (Januari: 2.7%).
  - Inflasi dalam kategori pengangkutan adalah pada -0.3% (Januari: 5.7%) disebabkan oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah pada bulan itu.
  - Inflasi dalam kategori makanan dan minuman bukan alkohol adalah pada 3.0% (Januari: 3.8%). Hal ini mencerminkan harga beberapa item makanan segar yang lebih rendah berikutan skim kawalan harga musim perayaan semasa tempoh Tahun Baru Cina dan cuaca yang lebih baik sesudah itu.

Pertumbuhan perdagangan borong & runcit meningkat, didorong oleh peningkatan dalam semua segmen

- Indeks Perdagangan Borong & Runcit (Index of Wholesale & Retail Trade, IOWRT) meningkat pada bulan Januari (7.4%, Disember 2017: 5.9%), didorong oleh peningkatan dalam semua segmen.
- Yang penting, segmen runcit mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada bulan Januari (8.5%, Disember 2017: 7.9%), yang menandakan bahawa perbelanjaan isi rumah terus kukuh.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pembiayaan bersih[1] meningkat kepada 7.4% pada bulan Februari (Januari: 7.2%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat kepada 4.5% (Januari: 4.2%) manakala terbitan bon korporat terkumpul bersih terus berkembang pada 16.4% (Januari: 16.6%).
- Peningkatan pertumbuhan pinjaman disebabkan terutamanya oleh pinjaman isi rumah (Februari: 5.6%; Januari: 5.3%) yang didorong oleh pinjaman untuk tujuan mendapatkan *harta kediaman; sekuriti* dan *pembiayaan peribadi*.

Struktur pendanaan bank-bank menyokong aktiviti pembiayaan

- Sumber pendanaan bank-bank yang pelbagai telah membolehkan mereka mengurus ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang dengan lebih baik.
- Sebagai mencerminkan sumber pendanaan yang lebih meluas, nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berada pada 83.5% dan72.9%.
- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sistem perbankan adalah pada 133.8%. Nisbah ini adalah jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[2] pada 90%.

Pasaran kewangan domestik menerima kesan daripada keadaan global yang tidak menentu

- Pada bulan Februari, pasaran kewangan domestik menerima kesan daripada peningkatan volatiliti yang sangat ketara susulan pembetulan mendadak dalam pasaran ekuiti di Amerika Syarikat (AS). Pembetulan ini dicetuskan oleh jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengembalikan kadar faedah ke paras wajar dengan lebih cepat berikutan pengeluaran data gaji dan pekerjaan di AS yang kukuh.
- Pasaran ekuiti domestik menurun pada awal bulan Februari selaras dengan penurunan dalam pasaran ekuiti AS sebelum sebahagian daripada kerugian dapat ditampung pada akhir bulan. Hal ini disebabkan oleh sentimen yang positif berikutan pengeluaran data pertumbuhan KDNK suku keempat 2017 yang lebih baik daripada jangkaan.

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)) dan bon korporat terkumpul.

[2] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan naik secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa dari tahun 2019. Setakat 1 Januari 2018, keperluan minimum ditetapkan pada 90%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

- Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.8% berbanding dengan dolar AS disebabkan terutamanya oleh aliran keluar portfolio bersih. Jumlah swap FX menurun sebanyak USD9.2 bilion kepada USD102.9 bilion disebabkan terutamanya oleh pengurangan aktiviti swap antara bank. Aliran keluar bersih dalam bulan Februari menyebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap dolar lantas menyebabkan mata swap USD/MYR 1 bulan purata turun sebanyak 7 mata kepada 43 mata. Hasilnya, kos pendanaan dolar tersirat 1 bulan melalui swap FX meningkat kepada 2.29% pada akhir bulan Februari (akhir bulan Januari: 1.76%).

Bank Negara Malaysia
30 Mac 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my